

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**  
**TARIKH : RABU, 25 MAC 2015**  
**RUJUKAN : L8 [PR-1331-L65930]**  
**SOALAN :**

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sebab musabab kelewatan untuk mewartakan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur (KL Local Plan).

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, pewartaan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 telah ditangguhkan kerana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang meneliti pindaan ke atas Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 bagi mengambil kira cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang diterima daripada orang ramai sebelum ia dimuktamadkan untuk tujuan diwartakan.

Di samping itu, bagi menangani kepesatan pembangunan Kuala Lumpur terus dinamik, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang mengkaji kaedah bagi mempercepatkan proses pindaan ke atas pelan bandaraya ini setelah ia diwartakan kelak bertepatan dengan peruntukan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982.

Ini adalah penting untuk memastikan proses pindaan ini tidak melewatkan pemprosesan permohonan kebenaran perancangan yang boleh menaikkan kos pegangan (*holding cost*) dan seterusnya menakutkan pelabur-pelabur untuk melabur modal di Kuala Lumpur.